



# Ketagihan internet kanak-kanak serius

## Usia 5 hingga 18 terdedah gejala negatif siber

### PERIHAL ORANG MUDA

Oleh Nadia Hamid  
nnadia@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Ketagihan internet di kalangan kanak-kanak dan remaja makin membimbangkan malah senario ini jika tidak dikawal boleh memberi kesan kepada pembentukan minda generasi muda sebagai pewaris negara.

Sehubungan itu, laporan menyebutkan 90 peratus daripada 8.5 juta kanak-kanak atau sembilan daripada 10 individu terbabit berusia lima hingga 18 tahun di negara

ini terdedah dengan gejala negatif dunia siber perlu diberi perhatian pelbagai pihak terutama ibu bapa.

Prestasi akademik merudum, reaksi luar batasan dan kecenderungan memanipulasi aksi ditonton di internet dikenal pasti antara impak negatif jika golongan muda kemaruk internet tanpa kawalan ibu bapa atau penjaga.

Maklum balas diterima di laman Facebook *Berita Harian* menunjukkan ibu bapa mengakui kepesatan dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi punca kebergantungan generasi muda terhadap internet tetapi pada masa sama, tidak mampu menolak faedah atau kelebihan menguasai teknologi

maklumat (IT).

Selain itu, responden juga mencadangkan ibu bapa mengambil tindakan lebih proaktif dalam mengawal kebebasan anak melayari internet serta melaksanakan peraturan sendiri di rumah berhubung interaksi alam maya.

Pakar Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja, Jabatan Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Fairuz Nazri Abd Rahman, berkata kepelbagaian fungsi dan kemudahan internet menarik jiwa anak muda yang sentiasa dahagakan cabaran dan mencari kepuasan walaupun sementara.

"Kebanyakan ibu bapa priha-

### Apa kata mereka di Facebook



**Jahara Juhari** bayar bil unifi jer dah beratus sebulan....nak kata apa....24/7 . anak beranak melayari internet..ikut minat masing2....



**Azif Issa** Pendidikan akhlak sejak kecil adalah kemestian,perlu ditekankan oleh semua pihak ,sekarang kelihatan kurang diberi penekanan,akhlak yang teguh menjadi benteng kpd unsur jahat dari luar.



**Nik Zainuddin** semua kemudahan sudah tersedia. jika tidak digunakan akan jauh ketinggalan.dalam apa keadaanpun pemantauan ibu bapa adalah wajib



**Mohd Arip Ariza** kesedaran daripada yg mendidik amat penting, tanpa disentuh ianya tidak mampu bergoyang, internet bukannya sekadar hiburan, ianya adalah gedung ilmu tanpa sempadan..



**Wastiya NurMuhammed** Ada Benarnya harus ditangani bersama...Apabila orang yang berpelajaran tinggi sekali pun suka menyumpah-yumpah serta menyebut perkataan yang tidak sewajarnya seperti menyumpah,menyebut kemaluan dengan rasa bangga dan sebagainya didalam profile Fb ,blog atau yg seumpamanya,Mereka ini sebenarnya telah meletak diri mereka seumpama meludah ke langit dan akhirnya kotoran tadi terkena diri mereka...orang lain menjadi mereka sebagai bahan bualan serta diketawa kerana dalam pandai ia menunjukkan kebodohan sebenar.



Untuk reaksi rakan Facebook selanjutnya  
[www.facebook.com/bhonline](http://www.facebook.com/bhonline)

tin dengan impak membelenggu anak-anak mereka. Namun, ibu bapa tidak tahu cara membendung aktiviti ini, malah terhad dari segi kemampuan bertegas.

"Ibu bapa boleh hadkan masa anak-anak berada di hadapan skrin dalam tempoh antara sejam hingga dua jam sehari. Kenakan hukuman seperti dilarang menggunakan internet di dalam bilik tidur jika anak ingkar.

"Selain itu, keluarga harus meng-

galakkan aktiviti sihat seperti beriadah, makan bersama keluarga dan menjadikan hobi anak sebagai hobi keluarga untuk mengelak kebergantungan terhadap internet," katanya kepada *Berita Minggu* di sini, semalam.

Dr Fairuz Nazri berkata, ibu bapa perlu mengelak menjadikan internet sebagai 'babysitter' atau pengasuh anak serta memberi hadiah barangan gajet yang dikhuatiri meleakakan anak.